



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 13 Februari 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

KPDN

Dua lelaki seleweng 430,000 liter diesel dicekup, kapal dirampas



PEGAWAI KPDN menjalankan pemeriksaan ke atas kapal yang disyaki menyeleweng diesel di Kuching semalam.

KUCHING – Kegiatan dua lelaki termasuk seorang warga Myanmar menyeleweng 430,000 liter diesel melalui laut terbongkar apabila ditahan Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 5 Kuching dekat sini kelmarin.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Sarawak, Matthew Dominic Barin berkata, ia turut membawa kepada rampasan diesel yang dianggarkan bernilai RM524,500.

“Sebuah kapal yang digunakan untuk membawa diesel tersebut turut dirampas menjadikan nilai

keseluruhan rampasan RM5 juta. Susulan itu, kes diserahkan kepada KPDN Sarawak bagi siasatan lanjut.

“Siasatan dilakukan di bawah Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenal pasti individu/syarikat yang terlibat dalam aktiviti atau rangkaian pengedaran diesel itu,” katanya dalam kenyataan semalam.

Jelasnya, kes turut disiasat di bawah Seksyen 21, AKB 1961 kerana memiliki atau ada dalam kawalan barang kawalan dalam keadaan yang menimbulkan syak akan melakukan kesalahan.

Katanya sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2 juta bagi kesalahan pertama dan tidak melebihi RM5 juta bagi kesalahan kedua jika orang itu ialah satu pertubuhan perbadanan.

Tambahnya, berdasarkan statistik KPDN dalam penguatkuasaannya dari tempoh 1 Mac sehingga 31 Disember 2023 di bawah Ops Tiris di Sarawak, sebanyak 121 kes direkodkan membabitkan rampasan 6,554,327 liter diesel dengan anggaran keseluruhan nilai rampasan RM6,960,477.

Oleh Mohd Roji Kawi
am@hmetro.com.my

Kuching

Pasukan Polis Marin (PPM) Wilayah 5 Sarawak menahan sebuah kapal tangki di Sungai Sarawak dan merampas sebanyak 430,000 liter diesel pada Sabtu lalu.

Komander PPM Wilayah 5, Asisten Komisioner Ab Rahman Mat Hassan berkata, diesel itu dirampas dalam Op Taring Gelora Khas ketika bot peronda menjalankan pemeriksaan terhadap kapal itu pada jam 3.45 petang.

Menurutnya, kapten kapal tangki terbabit gagal menunjukkan sebarang dokumen kebenaran yang sah untuk membawa diesel itu.

"Tiga daripada empat anak kapal, iaitu warga asing pula didapati tidak

Kapal angkut diesel subsidi

PPM Wilayah 5 Sarawak tahan kapal tangki serta merampas 430,000 liter diesel

memiliki pasport yang sah dan menyalahgunakan pas lawatan sosial untuk bekerja di kapal tangki itu," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ab Rahman berkata, kapten bersama anak kapal berusia 19 hingga 47 tahun itu ditahan dan kapal tangki serta diesel terbabit diserahkan kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) untuk siasatan lanjut.

Sementara itu, Pengarah KPDN Sarawak Matthew

Dominic Barin dalam kenyataannya pula berkata, diesel yang dirampas PPM Wilayah 5 itu bernilai RM924,500.

Menurutnya, nilai keseluruhan rampasan termasuk kapal tangki itu dianggarkan berjumlah RM5 juta.

"Kes itu disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan (AKB) 1961 bagi mengenal pasti individu atau syarikat yang terbabit dalam aktiviti atau rantaian pengedaran diesel termasuklah sumber diper-

olehi dan edaran mana-mana pihak tidak bertanggungjawab," katanya.

Menurutnya, berdasarkan statistik penguatkuasaan seluruh Sarawak di bawah Op Tiris pada tahun lalu bermula 1 Mac sehingga 31 Disember 2023, KPDN Sarawak merekodkan sebanyak 121 kes.

"Ia membabitkan kuantiti rampasan sebanyak 6,554,327 liter diesel dengan anggaran keseluruhan nilai rampasan berjumlah RM6.9 juta," katanya.



KAPAL tangki membawa muatan 430,000 liter diesel ditahan PPM Wilayah 5 sebelum diserahkan kepada KPDN Sarawak.
- Gambar ihsan KPDN



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

www.northport.com.my



Membangun kecemerlangan operasi pelabuhan

Northport pimpin amalan bersih, tata kelola terbaik

oleh YAP ALAS

Dalam dunia korporat yang semakin kompleks, integriti dan tata kelola yang baik menjadi kunci utama bagi membentuk kepercayaan, keyakinan, penghormatan serta reputasi sesebuah organisasi.

Integriti korporat mencerminkan komitmen organisasi, yang menjadi panduan untuk bertindak dengan jujur, adil dan bertanggungjawab dalam operasi, sekali gus membina hubungan positif dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Membicarakan soal integriti korporat, salah sebuah pengendali pelabuhan terbesar negara, Northport (Malaysia) Bhd atau Northport, berjaya mengorak langkah memimpin budaya serta amalan integriti, etika dan ketelusan dalam operasi pelabuhan di Malaysia.

Northport, iaitu anak syarikat milik penuh Kumpulan MMC itu telah membuktikan komitmen dengan inisiatif transformasi sebagai pelabuhan pertama di Malaysia menerima pensijilan ISO 37001:2016 Sistem Pengurusan Anti-Rasuah

(ABMS) dari SIRIM QAS International Sdn Bhd pada 23 Disember 2020.

Pensijilan ISO 37001:2016 ABMS telah membuka laluan kepada Northport memperkasakan integriti dan pencegahan anti-rasuah melalui Pelan Anti-Rasuah Anti-Korupsi (ABAC) yang telah dibangunkan secara menyeluruh selari dengan Panduan Tatacara Mencukupi menurut Subseksyen (5) Seksyen 17A Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Dasar integriti dan anti-rasuah komprehensif

Asas komitmen Northport terhadap prinsip integriti dan usaha menangani rasuah adalah terletak pada penetapan serta pelaksanaan dasar dan polisi yang kukuh berkaitan dengan tata kelola selain tadbir urus yang bersih.

Malah, Lembaga Pengarah Northport turut memainkan peranan penting dalam pembentukan dasar serta polisi yang selaras dengan keperluan undang-undang dan keperluan perniagaan.

Hasilnya, Northport berjaya mewujudkan dasar dan polisi integriti dan anti-rasuah yang menyeluruh merangkumi Polisi dan Kerangka Anti-Rasuah, Polisi Pemberian Maklumat, Kod Etika Northport, Tatacara Rakan Perniagaan (Business Associates Code of Conduct) dan Perjanjian Integriti (Integrity Pact).

Dasar dan polisi ini terbakai kepada seluruh kakitangan, rakan niaga, pemegang taruh dan pihak berkepentingan Northport seterusnya menyumbang kepada pengukuhan integriti dan reputasi korporat.

Penilaian risiko dan whistleblowing

Northport turut mengamalkan penilaian risiko rasuah berdasarkan Prosedur Pengurusan Risiko Rasuah yang berperanan mengenal pasti, menilai dan menentukan tahap risiko rasuah di semua peringkat operasi.

Penetapan penilaian risiko ini disusuli dengan pelan pelaksanaan, pencegahan serta pemantauan terhadap Skim Penilaian Risiko Rasuah. Malah, skim penilaian itu telah memanfaatkan Northport dan aspek pemahaman yang lebih baik terhadap risiko, peningkatan kepercayaan pemegang taruh dan pihak berkepentingan selain memastikan pematuhan



Northport berjaya melanjutkan pengiktirafan ISO 37001 ABMS sehingga tahun 2026 melalui penyerahan pensijilan ISO 37001 daripada Pengarah Urusan SIRIM QAS International, Datang kepada Ketua Pegawai Eksekutif Northport, Datuk Azman Shah Mohd Yusoff.

standard korporat dan inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Pada masa sama, Northport turut menambah baik sistem pemberian dan pelaporan maklumat atau whistleblowing mengenai kesalahan, penyalahgunaan atau tingkah laku tidak bermoral dalam syarikat itu.

Sistem penilaian yang telah diwujudkan sejak 2014 itu berupaya memastikan komunikasi yang jelas mengenai komitmen Northport terhadap integriti, keadilan, dan ketelusan melibatkan kakitangan, kontraktor dan pembekal melalui sesi perkongsian integriti secara berkala.

Northport turut mempelbagaikan kaedah pemberian maklumat melalui pelbagai medium seperti emel, surat atau penyerahan dalam talian (online) melalui laman web Northport. Usaha ini sekali gus memberi peluang kepada kakitangan, pemegang taruh dan pihak berkepentingan untuk melaporkan apa-apa tingkah laku tidak beretika dan juga rasuah.

Memperkemaskan sistem whistleblowing Northport juga menerapkan elemen integriti dan etika di dalam modul induksi kepada kakitangan baharu selain memaklumkan secara terus kepada para kontraktor dan pembekal dalam sesi penerangan bidaan tender.

Kawalan

Memperkasakan lagi budaya dan amalan integriti, Northport berjaya melaksanakan langkah-langkah kawalan pencegahan rasuah menerusi penilaian wajar (due diligence) yang menggunakan aplikasi Sistem Tapisan Keutuhan (e-STK) daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) serta carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menerusi portal SSM e-info.

Sistem e-STK dan SSM e-info ini digunakan untuk setiap pendaftaran pembekal serta kontraktor yang menyertai tender syarikat kecuali pengambilan kakitangan baharu yang hanya menggunakan e-STK.

ABMS dan inisiatif khusus

Pelaksanaan ABMS merangkumi keseluruhan kakitangan, pemegang taruh dan pihak berkepentingan di dalam skop perkhidmatan operasi pelabuhan serta perkhidmatan lain yang berkaitan.

Northport telah menambah baik keperluan ISO 37001:2016 dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif susulan termasuk pindaan terhadap polisi dan kerangka anti-rasuah, polisi pemberian maklumat, *Business Associates Code of Conduct*, *Integrity Pact* dan sebagainya.

Malah, Northport turut melaksanakan audit dalaman ABMS secara tahunan (2021 dan 2022) termasuk menjalankan kajian semula pengurusan.

Northport telah melantik British Standards Institution (BSI) yang juga badan penarafan yang memperoleh akreditasi Jabatan Standard Malaysia (JSM) dan ANSI National Accreditation Board (ANAB) untuk menjalankan audit pensijilan semula ABMS pada tahun 2023 sehingga berjaya melanjutkan pensijilan itu sehingga tahun 2026.

Selain itu, Northport mengintegrasikan pelbagai inisiatif dalam Pelan Inisiatif Anti-Rasuah dan Anti-Korupsi 2024-2026 bagi memantapkan penguasaan, kefahaman serta latihan pematuhan integriti.

Hasil daripada pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut dibentangkan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Risiko Northport setiap suku tahun sebelum ianya dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit dan seterusnya kepada Lembaga Pengarah Northport.

Justeru, komitmen Northport terhadap amalan integriti dan anti-rasuah memperlihatkan pendirian proaktif syarikat ini dalam mewujudkan budaya korporat yang menghargai etika, ketelusan dan pematuhan undang-undang.

Tidak disangkal lagi, Northport telah berjaya menetapkan standard yang kukuh bagi asas kerangka pembudayaan integriti serta tata kelola yang cemerlang.

Kejayaan Northport jelas dibuktikan menerusi pengiktirafan Anugerah Emas Tertinggi sempena Majlis Anugerah Integriti, Governance dan Anti-Rasuah 2022 yang telah diadakan pada 18 Januari tahun lalu.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT



PENDUDUK di Selatan Thailand turut mengeluh selepas harga beras semakin mahal sejak dua tahun lalu. - AIMUNI TUAN LAH

'Beras di Selatan Thai pun mahal'

NARATHIWAT – Penduduk di kawasan Selatan Thailand mengakui terbeban dengan harga semasa beras yang dilaporkan turut mengalami kenaikan seperti yang berlaku kepada harga beras import di negara itu.

Penduduk mendakwa, kenaikan harga beras tempatan mula dikesan berlaku sejak dua tahun lalu.

Seorang penduduk, Solas Hudin Chenea, 40, berkata, penduduk kini sukar untuk mencari harga beras yang murah untuk ahli keluarga mereka.

Katanya, mereka tiada pilihan dan terpaksa membeli walaupun harga beras agak mahal kerana beras merupakan makanan ruji keluarganya.

"Kos belanja bulanan untuk menyara tiga anak mula meningkat berikutan kenaikan harga beras dan barangan keperluan harian lain.

"Sebelum ini saya beli beras tempatan lima kilogram dengan harga sekitar 90 bath (RM11.95), tetapi sekarang ini harga kira-kira 130 bath (RM17.25)," katanya baru-baru ini.

Solas Hudin memberitahu, harga beras bagi 10 kilogram sebelum ini ialah 180

bath (RM23.90) dan sekarang meningkat kepada 260 bath (RM34.50).

Seorang lagi penduduk, Awang Husin Dolloh, 55, pula berkata, dia yang sebelum ini membeli beras timbang juga berdepan kenaikan harga.

Katanya, harga beras sekilogram paling murah kini 25 bath (RM3.30) berbanding dahulu 15 bath (RM2).

"Ramai penduduk merungut tetapi mereka tiada pilihan terpaksa membeli beras untuk sumber makanan keluarga.

"Kami berharap kerajaan Thailand dapat menstabilkan semula harga beras agar penduduk di kawasan luar bandar tidak terus terbeban," katanya.

Media sebelum ini melaporkan, Kabinet Thailand memutuskan langkah untuk menstabilkan harga beras, termasuk menyediakan pinjaman bagi membantu petani menanggulangi penjualan padi selama lima bulan, berikutan penurunan harga komoditi itu baru-baru ini.

Jurucakap kerajaan Chai Wacharonke berkata, langkah itu akan dilaksanakan sehingga akhir Februari ini.

Semak semula lesen beras syarikat besar

Oleh AIMAN ALI

aiman.ali@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Cadangan kerajaan untuk menyelaraskan harga beras tempatan dan import tidak akan menyelesaikan isu kartel, namun perlu menyemak semula penguatkuasaan lesen dan kawalan harga oleh kilang besar terhadap kilang kecil.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Setiausaha Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia (PPBMM), Musonnef Md. Radzi berkata, langkah menyelaraskan harga bagi beras tempatan dan beras import adalah baik namun tidak akan menyelesaikan isu kartel.

Bersambung di muka 3

Semak semula lesen beras syarikat besar

Dari muka 1

"Saya rasa dari segi harga baik sahaja dan tiada masalah. Kami menyokong langkah itu bersesuaian dengan kami yang bekerja di sawah.

"Namun, walaupun harga meningkat tetapi tidak akan menyelesaikan isu kartel beras. Pengawalan harga beras dan penggunaan lesen oleh kilang besar perlu disemak semula oleh kerajaan," katanya.

Terdahulu, Mesyuarat Khas Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bercadang untuk menyelaraskan harga beras tempatan dan import bagi mengelakkan manipulasi dan menangani isu penipuan dalam industri beras.

Cadangan itu bakal menyaksikan harga beras tempatan yang kini dijual di pasaran RM26 bagi setiap 10 kilogram akan meningkat kepada sekitar RM30 hingga RM33.

Tambah Musonnef, pihak berkuasa yang tidak mengawal pembelian beras oleh pengilang besar punca berlakunya mereka membeli beras tanpa had dan kuota.

"Kerajaan perlu mewujudkan kuota untuk pembelian beras tempatan. Apabila pengilang besar mempunyai kuasa, mereka secara tidak langsung menentukan harga kepada pengilang kecil dan bukannya kerajaan.

"Selain itu, lesen kilang ada had muatan sahaja dan tiada



PEKERJA kilang memunggah beras import yang dibekalkan di sebuah kilang pemborong beras di Setiu, Terengganu, baru-baru ini. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

had pembelian. Jadi, jika tidak dikawal lesen, kilang yang kecil akan terhapus dan dimonopoli," katanya.

Katanya, ketika ini bukanlah penyelarasan harga yang perlu diberi fokus tetapi kawalan kuota kepada kilang.

"Kerajaan perlu membuat kawalan kuota kepada semua kilang untuk membeli padi tempatan. Sebagai contoh,

setiap kilang kecil beli 10,000 metrik tan dan 30,000 metrik tan untuk kilang besar. Apabila kilang besar tidak cukup, maka mereka boleh pula membeli daripada kilang kecil pada harga sama," ujarnya.

Mengulas lanjut beliau berkata, pengagihan padi di dalam industri ketika ini terjejas akibat dikuasai kilang besar.

"Mereka menguasai hampir

80 peratus pengagihan padi dan juga mempunyai rangkaian sawah, kilang pemborong dan peruncit.

"Pada masa sama, mereka menguasai padi benih oleh kerajaan atas proksi kilang lain. Jika kerajaan tidak menjalankan usaha untuk mengharmonikan antara kilang besar dan kecil maka ia akan memberi kesan," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 13 FEBRUARI 2024

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
13-Feb	Ubahsuai tangki lori seludup diesel	https:// www.sinarharian.com.my/ article/648769/berita/semasa/ ubahsuai-tangki-lori-seludup-	SINAR HARIAN
13-Feb	Pikap asing 'kanto' isi diesel berulang kali di stesen ber-beza	https:// www.sinarharian.com.my/ article/648726/berita/ semasa/pikap-asing-kanto- isi-diesel-berulang-kali-di-	SINAR HARIAN
13-Feb	Tiga lelaki dituduh miliki 706 liter diesel tanpa lesen	https:// www.kosmo.com.my/2024/ 02/09/tiga-lelaki-dituduh- miliki-706-liter-diesel-tanpa-	KOSMO
13-Feb	PEMANDU LORI DIDENDA RM35,000 MILIKI DIESEL TANPA LESEN	https://www.mkn.gov.my/ web/ms/2024/02/09/ pemandu-lori-didenda- rm35000-miliki-diesel-tanpa- lesen/	MAJLIS KESELAMATAN NEGARA
13-Feb	Tiga kelindan lori tak mengaku miliki diesel tanpa lesen sah	https:// www.sinarharian.com.my/ article/648744/berita/ semasa/tiga-kelindan-lori- tak-mengaku-miliki-diesel-	SINAR HARIAN
13-Feb	Tiada isu kekurangan minyak masak paket bersubsidi di Sandakan – KPDN	https://sabahnewstoday.net/ tiada-isu-kekurangan- minyak-masak-paket- bersubsidi-di-sandakan- kpdn/	SABAH NEWS TODAY
13-Feb	Bawa balik barangan jualan murah ke kampung untuk ahli keluarga, saudara-mara	https:// selangorkini.my/2024/02/ bawa-balik-barangan-jualan- murah-ke-kampung-untuk- ahli-keluarga-saudara-	SELANGOR KINI
13-Feb	KPDN minister holds meeting with Julaihi to discuss gas distribution	https:// www.theborneopost.com/20 24/02/12/kpdn-minister- holds-meeting-with-julaihi-to- discuss-gas-distribution/	THE BORNEO POST

13-Feb	Armizan to look into 'alarming' claim about fake honey	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2024/02/12/armizan-to-look-into-alarming-claim-about-fake-honey/	FREE MALAYSIA TODAY
13-Feb	Ministry looking into claims of counterfeit honey products	https://www.nst.com.my/news/nation/2024/02/1012600/ministry-looking-claims-counterfeit-honey-products	NEW STRAITS TIMES
13-Feb	KPDN Sarawak sita kapal berisi diesel bernilai lebih RM900,000	https://www.sinarharian.com.my/article/649133/berita/semasa/kpdn-sarawak-sita-kapal-berisi-diesel-bernilai-lebih-rm900000	SINAR HARIAN
13-Feb	KPDN Sarawak sita kapal berisi diesel bernilai lebih RM900,000	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2269718	BERNAMA
13-Feb	KPDN Sarawak rekod 121 kes dalam Ops Tiris, rampas minyak diesel subsidi RM7 juta	https://www.tvsarawak.my/2024/02/12/kpdn-sarawak-rekod-121-kes-dalam-ops-tiris-rampas-minyak-diesel-subsidi-rm7-juta/	TV SARAWAK
13-Feb	PPM rampas diesel subsidi	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/02/1211601/ppm-rampas-diesel-subsidi	BERITA HARIAN
13-Feb	Kapal simpan 430,000 liter diesel dirampas	https://suarasarawak.my/kapal-simpan-430000-liter-diesel-dirampas/	SUARA SARAWAK
13-Feb	KPDN Sarawak sita kapal berisi diesel subsidi lebih RM900,000	https://www.malaysiakini.com/news/695989	MALAYSIA KINI
13-Feb	Polis marin rampas diesel, kapal tangki bernilai RM5 juta	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/02/1060019/polis-marin-rampas-diesel-kapal-tangki-bernilai-rm5-juta	HARIAN METRO
13-Feb	Marine police seize 430,000l of diesel from tanker in Sarawak River	https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2024/02/1012469/marine-police-seize-430000l-diesel-tanker-sarawak-river	NEW STRAITS TIMES

13-Feb	Minyak diesel bernilai RM924,500 dirampas di Kuching	https://dayakdaily.com/minyak-diesel-bernilai-rm924500-dirampas-di-kuching/	DAYAK DAILY
13-Feb	430,000 litres of diesel worth over RM900,000 seized from tanker	https://thesun.my/local_news/430000-litres-of-diesel-worth-over-rm900000-seized-from-tanker-BK12092452	THE SUN
13-Feb	Lelaki tempatan, Myanmar dicekup seleweng 430,000 liter diesel	https://www.kosmo.com.my/2024/02/12/lelaki-tempatan-myanmar-dicekup-seleweng-430000-liter-diesel/	KOSMO
13-Feb	KPDN Sarawak sita kapal berisi diesel bernilai lebih RM900,000	https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdn-sarawak-sita-kapal-berisi-diesel-bernilai-lebih-rm900000/	BULETIN TV3
13-Feb	KPDN negeri sasar 64 program jualan Rahmah di 32 DUN	https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2024/02/1211614/kpdn-negeri-sasar-64-program-jualan-rahmah-di-32-dun	BERITA HARIAN